

## ANALISA FILEM “AYAT-AYAT CINTA 2” MENGGUNAKAN PADLET DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN CTU151

\*Wan Noor Hazlina Wan Jusoh<sup>1</sup>, Ruhaizah Abd Ghani<sup>1</sup>, Nor Adila Mohd Noor<sup>1</sup>, Azarudin Awang<sup>1</sup>  
dan Noor Hasyimah Sulaiman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu  
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

\*Corresponding author's email: [wanno561@uitm.edu.my](mailto:wanno561@uitm.edu.my)

*Submission date:*  
9 March 2019

*Accepted date:*  
20 November 2019

*Published date:*  
30 November 2019

### **Abstract**

*“Ayat-Ayat Cinta 2” is an Indonesian film directed by Guntur Soehardjanto, adapted from a novel authored by Habiburrahman El Shirazy. The film portrayed many issues including Islamophobia, social, politic and economic matters of Muslim society. Those are among the issues discussed in the course namely Islamic Thought and Civilization (CTU151). One-way communication, dull and passive learning style are factors that caused the students have less interest in the subject. Using and analyzing interesting film as a mechanism in teaching and learning (T&L) process would spur the interest of learning the subject. In line with development of information technology Web 2.0, Padlet is used as students' platform to demonstrate the result of film analysis. This research aims to evaluate the level of students' acceptance in their activity by using Padlet in learning CTU151. A pilot study was conducted by distributing questionnaire to 35 respondents. Data were analyzed using SPSS 22 by referring to mean score in order to measure the level of students' acceptance towards the activity. The result shows that most of the students agreed that watching and analysing the “Ayat-ayat Cinta 2” film as well as using Padlet in the T&L process manage to improve the level of acceptance, understanding and interest towards the subject by the mean score, 4.03. This result demonstrates that film analysis with the usage of Padlet is a new approach in the CTU151 T&L process. It provides students experienced new method of learning and gives more impact in understanding contemporary Muslim issues. Simultaneously, this new approach manages to achieve the CTU151 learning objectives and inspire other instructors as well.*

*Keywords: Film Analysis, Padlet, Ayat-Ayat Cinta 2, Teaching and Learning (T&L)*

### **Abstrak**

“Ayat-ayat Cinta 2” merupakan sebuah filem Indonesia arahan pengarah Guntur Soehardjanto adaptasi dari novel karya Habiburrahman El Shirazy. Filem ini membicarakan isu-isu yang berkisar tentang Islamofobia, sosial, politik dan ekonomi dalam masyarakat Islam. Isu-isu ini adalah antara tajuk yang dibincangkan dalam subjek CTU151 (Pemikiran dan Tamadun Islam). Faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) sehalu, kaku dan pasif menjadikan para pelajar kurang berminat terhadap pengajaran yang dijalankan. Penggunaan filem yang menggunakan pendekatan penceritaan yang menarik untuk dianalisa sebagai suatu mekanisme dalam PdP dapat memacu keseronokan proses pembelajaran yang dijalankan. Sesuai dengan perkembangan teknologi di era *Web 2.0*, aplikasi *Padlet* dijadikan platform untuk pelajar mengetengahkan hasil analisa filem tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap

penerimaan pelajar terhadap aktiviti analisa filem dengan menggunakan aplikasi *Padlet* dalam subjek CTU151. Kajian rintis dengan edaran borang soal selidik dilakukan ke atas 35 orang pelajar yang mengikuti kelas ini. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 22 dengan ujian min dilakukan bagi melihat tahap penerimaan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pelajar berpandangan penggunaan filem “Ayat-ayat Cinta 2” serta *Padlet* dalam proses PdP mampu meningkatkan tahap penerimaan, kefahaman, keseronokan terhadap subjek yang diajar apabila skor min menunjukkan 4.03. Ini jelas membuktikan bahawa menjadikan analisa filem “Ayat-ayat Cinta 2” dengan menggunakan *Padlet* sebagai satu pendekatan baru dalam PdP CTU151 mampu memberikan satu pengalaman baru yang lebih memberi kesan dalam proses memahami isu-isu semasa yang menyelubungi umat Islam pada hari ini. Ianya sekaligus berupaya memenuhi objektif pembelajaran CTU151 serta mampu menjadi inspirasi kepada tenaga pengajar yang lain.

**Kata kunci:** Analisa Filem, Aplikasi *Padlet*, Ayat-ayat Cinta 2, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

## 1.0 PENDAHULUAN

Analisa filem dapat digunakan sebagai salah satu kaedah yang mampu merangsang minat pelajar dalam usaha mewujudkan PdP yang berkesan (Mahmud, 1998). Subjek CTU151 (Pemikiran dan Tamadun Islam) merupakan subjek universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM). Isi kandungan subjek ini sarat dengan fakta yang perlu difahami oleh para pelajar. Kreativiti tenaga pengajar amat diperlukan agar proses PdP tidak hanya tertumpu kepada syarahan sahaja. Justeru dalam usaha melibatkan pelajar secara kolektif, analisa filem dipilih sebagai salah satu kaedah dalam PdP CTU151. Filem ‘Ayat-ayat Cinta 2’ yang diterbitkan oleh Manoj Punjabi pada tahun 2017 dan diarahkan oleh Guntur Soehardjanto dipilih kerana filem ini sarat dengan isu-isu seperti Islamofobia, politik, ekonomi dan sosial umat Islam masa kini. Ini amat bersesuaian dengan isi kandungan silibus bab 3.3 subjek CTU151. Kajian rintis melalui pengedaran borang soal selidik dibuat bagi menilai tahap penerimaan pelajar terhadap aktiviti analisa filem dengan menggunakan aplikasi *Padlet* dalam subjek CTU151.

## 2.0 SOROTAN KARYA

Teknologi mutakhir serta pendekatan pengajaran yang kreatif, inovatif, dinamik serta menghiburkan merupakan medium yang dikatakan mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan institusi pendidikan pada masa kini. Seiring dengan persekitaran digital ini, satu anjakan paradigma perlu dilakukan agar ia menepati kehendak pendidikan era globalisasi (Wan Jamel, 2013). Penggunaan ICT dilihat dapat mempelbagaikan aktiviti semasa pembelajaran merupakan pendekatan baru yang positif dalam proses PdP (Ab Rahman, Zainal, & Ab Karim, 2015). Teknologi pendidikan dalam PdP adalah penting bagi melicinkan proses PdP, di samping menjimatkan masa, tenaga dan kos perbelanjaan. Selain itu, teknologi pendidikan juga dapat mengelakkan rasa bosan pelajar seterusnya mengekalkan minat pelajar serta menghiburkan (Basiron, 2012).

Teknologi telah membawa perubahan yang radikal dalam setiap peringkat pendidikan. Konsep tradisional pendidikan ‘belajar dengan melakukan’ telah diperluaskan kepada ‘belajar melakukan dengan menggunakan teknologi’ (Jamil & Shah, 2011). Justeru, guru yang professional memainkan peranan utama memikul tanggungjawab memilih pendekatan yang sesuai untuk menyalurkan maklumat pengajaran agar ia selari dengan kesediaan kognitif pelajar serta tidak membebankan mereka (Wan Jamel, 2013). Malah tidak dapat dinafikan, penggunaan teknologi dalam sesi pembelajaran memerlukan

keberanian dan kesediaan tenaga pengajar mempelajari perkara-perkara baru dalam dunia digital (Abdul Rahman & Ahmad Basir, 2018).

Antara pendekatan baru dalam PdP ialah menggunakan filem. Penggunaan filem dalam PdP merupakan salah satu instrumen pengajaran alternatif (Derelioğlu & Şar, 2010) yang boleh diaplikasikan untuk mencapai pembelajaran yang berkesan (Blasco, Moreto, Blasco, Levites, & Janaudis, 2015). Kaedah ini telah bertahun-tahun menarik perhatian ramai penyelidik, melangkaui pelbagai topik dan bidang seperti sejarah (Derelioğlu & Şar, 2010; Marcus, Metzger, Paxton, & Stoddard, 2018; Stoddard, 2012), sosiologi (Moskovich & Sharf, 2012), pendidikan sivik (Larson, 2017), pendidikan (Blasco et al., 2015; Mullen, 2015), perhubungan pekerjaan (Lafferty, 2016), dasar luar negara (Kuzma & Haney, 2001) dan sebagainya.

Filem dengan gabungan imej, bahasa dan aksi dianggap sebagai suatu sumber pembelajaran yang menarik minat secara 'semulajadi' berbanding dengan teks bercetak yang memberi peluang kepada pelajar untuk 'hidup' dalam budaya yang berbeza (Truong & Tran, 2014). Perbincangan mengenai filem adalah suatu yang mengujakan dan memberi ruang untuk melakukan refleksi (Rates, Silva, Pereira, & Pessalacia, 2014). Malah, terdapat pengkaji-pengkaji yang berpendapat filem mampu merangsang deria, mengeluarkan konsep-konsep abstrak, menghubungkan emosi, memahami sejarah, serta membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran aktif di dalam kelas (Kuzma & Haney, 2001).

Bagi mendapatkan maklum balas pelajar mengenai filem yang ditonton pula, guru boleh menggunakan aplikasi-aplikasi Web 2.0 untuk digunakan oleh pelajar. Kombinasi teknologi atas talian dan pengajaran secara bersemuka dikenali sebagai 'pembelajaran teradun' (blended learning) (Siemens, Gašević, & Dawson, 2015). Penggunaan teknologi *Web 2.0* dalam dunia pendidikan seluruh dunia tidak dapat dielakkan, apatah lagi dengan kepelbagaian aplikasi *Web 2.0* yang disediakan sebagai medium penyampaian dalam proses PdP. Hal ini juga seiring dengan sifat pelajar-pelajar abad ke-21 itu sendiri yang suka akan teknologi dan gemar mempelajari kemahiran baru berkaitan dengan teknologi. *Padlet* adalah antara contoh aplikasi *Web 2.0* yang digunakan dalam PdP (Sulakah, 2017).

*Padlet* merupakan salah satu aplikasi Internet yang membolehkan pengguna menyuarakan pemikiran mereka dengan topik yang sama dengan mudah. Ia berfungsi seperti kertas dalam talian di mana seseorang itu boleh meletakkan apa-apa kandungan (contoh: imej, video, dokumen, teks) dengan bebas, dan mengongsikannya bersama sesiapa sahaja, dari mana-mana peralatan teknologi seperti komputer, laptop, tablet, telefon pintar (smart phone) dan sebagainya. (Mat Saad, Hashimee, & Zulkifli, 2018). Walau bagaimanapun, masih belum terdapat kajian mengenai keberkesanan penggunaan teknik analisa filem melalui *Padlet* setakat ini, terutama yang melibatkan subjek tamadun Islam.


### 3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif persampelan bertujuan (purposive sampling) melalui edaran borang soal selidik bagi mengetahui kesediaan penerimaan para pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pembelajaran menggunakan analisa filem 'Ayat-Ayat Cinta 2' menggunakan aplikasi *Padlet*. Pemilihan filem 'Ayat-Ayat Cinta 2' dibuat kerana isi kandungannya yang sarat dengan isu dan cabaran semasa umat Islam, merangkumi aspek sosial, politik, ekonomi dan Islamofobia yang selari dengan kandungan kursus CTU151. Populasi terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini di UiTM kampus Terengganu cawangan Dungun. Kajian rintis ini menggunakan seramai 35 orang pelajar bagi melihat realibiliti terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Jumlah responden adalah mencukupi memandangkan kajian ini merupakan kajian rintis yang tidak memerlukan bilangan sampel yang besar (lihat Connelly, 2008). Instrumen soal selidik digunakan menyentuh latar belakang responden dan

persepsi pelajar terhadap tajuk yang diberikan. Analisis secara deskriptif dilakukan dengan menggunakan kekerapan, peratusan dan nilai min. Soalan tentang persepsi menggunakan skala Likert 5 mata dan jawapan yang diberikan oleh responden dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22. Apabila skor min dibahagikan kepada 3 tahap, ianya memberi petunjuk sebagai rendah ( $\text{min} < 1.7$ ), sederhana ( $1.8 - 3.33$ ) dan tinggi ( $3.34 - 5.00$ ) (lihat Nasharudin & Harun, 2010). Kajian ini merupakan kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soalan yang digunakan seterusnya mengukur persepsi dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan filem dan *Padlet*. Hasil ujian yang dijalankan memperlihatkan tahap realibiliti terhadap soalan-soalan tentang penggunaan filem dan *Padlet* yang dikemukakan adalah tinggi apabila skor min yang diperolehi melebihi 3.66 mata.


#### 4.0 HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini merupakan kajian penerokaan yang meninjau tentang persepsi dan penerimaan pelajar terhadap penggunaan filem dan *Padlet* dalam pembelajaran mata pelajaran Tamadun dan Pemikiran Islam. Kajian rintis terhadap 35 orang pelajar yang mendaftar subjek ini telah dilakukan. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif bagi mengetahui kekerapan, peratusan dan skor min. Berdasarkan kepada Rajah 1, sebanyak 85.8% pelajar setuju (iaitu pada skala 4 dan 5) cara pembelajaran dengan metod analisa filem membuatkan mereka lebih faham tentang topik berbanding dengan cara konvensional. Hanya 2.9% iaitu seorang pelajar yang tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.



Rajah 1: Persepsi Pelajar Tentang Penggunaan Analisa Filem dalam PdP

Manakala Rajah 2 pula menunjukkan dapatan yang positif terhadap penggunaan *Padlet* sebagai platform dalam proses PdP. Nilai peratusan semua item bagi skala 4 dan 5 adalah melebihi 70% iaitu 74.2% pelajar berpendapat penggunaan *Padlet* adalah lebih menarik, 71.4% pelajar bersetuju dengan penggunaan *Padlet* adalah lebih menyeronokkan dan lebih berkesan daripada pengajaran konvensional.


Rajah 2: Persepsi Pelajar Tentang Penggunaan *Padlet* dalam PdP

Hasil kajian ini juga mengukur nilai min. Skor min diguna pakai bagi mengenal pasti tahap penerimaan dan keberkesanan penggunaan analisa filem dan *Padlet* dalam proses PdP. Hasil analisa skor min dikenal pasti mengikut petunjuk seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Skor Min Kombinasi *Padlet* dan Analisa Filem

Bil	Perkara	Skor	Tahap
1	<i>Padlet</i> membolehkan saya berkongsi idea bersama rakan-rakan saya.	4.03	Tinggi
2	Saya mempelajari pembelajaran kolaboratif melalui <i>Padlet</i> . (Pembelajaran kolaboratif ialah suatu kaedah pembelajaran yang mana para pelajar melaksanakan aktiviti secara berkumpulan seramai dua atau lebih, saling mencari persefahaman, penyelesaian atau mencipta suatu hasil pembelajaran.)	4.06	Tinggi
3	<i>Padlet</i> adalah lebih menarik dari kaedah PdP konvensional.	3.91	Tinggi
4	Saya seronok melakukan aktiviti kelas menggunakan <i>Padlet</i> .	3.91	Tinggi
5	Penggunaan <i>Padlet</i> menjadikan proses PdP menjadi lebih berkesan dari kaedah PdP konvensional.	3.83	Tinggi
6	Analisa filem sebagai tugas berkumpulan membantu saya memahami topik yang diajar dengan baik.	4.06	Tinggi
7	Analisa filem menarik minat saya untuk belajar.	4.00	Tinggi
8	Filem Ayat-Ayat Cinta 2 adalah sebuah filem yang sarat dengan pengajaran terutama mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam kini.	4.37	Tinggi
9	Analisa filem sesuai dijadikan tugas berkumpulan pelajar.	4.09	Tinggi
10	Analisa filem menjadikan proses PdP menjadi lebih berkesan dari kaedah PdP konvensional.	3.97	Tinggi
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>4.03</b>	<b>Tinggi</b>

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pelajar berpandangan penggunaan filem “Ayat-ayat Cinta 2” serta *Padlet* dalam proses PdP (Rajah 3) mampu meningkatkan tahap penerimaan, kefahaman, keseronokan terhadap subjek yang diajar apabila skor min menunjukkan nilai 4.03 adalah berada pada tahap tinggi. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang mengatakan bahawa pembelajaran menggunakan filem dapat menarik minat (Truong & Tran, 2014), merangsang deria dan menjadikan persekitaran pembelajaran yang aktif (Kuzma & Haney, 2001).



Rajah 3: Hasil Tugasan Pelajar dalam Padlet

## 5.0 KESIMPULAN

Penggunaan analisa filem dilihat sebagai satu pendekatan untuk menarik minat pelajar agar dapat memahami isu-isu yang berkisar dengan subjek CTU151. Pemilihan filem “Ayat-ayat Cinta 2” ini mampu menggalakkan pelajar untuk menganalisa isu-isu semasa yang menyelubungi umat Islam masa kini. Selaras dengan perkembangan teknologi, penggunaan aplikasi *Padlet* menjadi satu pendekatan baru dalam PdP CTU151 yang dapat memberikan ruang kepada pelajar untuk berkongsi maklumat dan berbincang secara efektif mengenai analisa filem yang dibuat oleh kumpulan masing-masing. Hasil kajian menunjukkan para pelajar amat bersetuju dengan gabungan penggunaan analisa filem dan aplikasi *Padlet* kerana dilihat berjaya meningkatkan kefahaman, menarik minat mereka untuk belajar dan berkesan untuk proses PdP yang menyeronokkan.

## Rujukan

- Ab Rahman, H., Zainal, N., & Ab Karim, N. A. (2015, 8-9 June 2015). *Keberkesanan Penggunaan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur*. Paper presented at the International Conference on Information Technology & Society, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdul Rahman, M. F., & Ahmad Basir, S. (2018). *Keberkesanan Sesi PdP dengan Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Melalui Sitem eLearn*
- Basiron, I. (2012). *Kesan Kaedah Pengajaran Multimedia Interaktif Dalam Pengajaran Seni Visual*. (Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Blasco, P. G., Moreto, G., Blasco, M. G., Levites, M. R., & Janaudis, M. A. (2015). Education through Movies: Improving Teaching Skills and Fostering Reflection among Students and Teachers. *Journal for Learning through the Arts*, 11(1), n1.

- Connelly, L. M. (2008). Pilot studies. *Medsurg Nursing*, 17(6), 411-412.
- Derelioğlu, Y., & Şar, E. (2010). The use of films on history education in primary schools: Problems and suggestions. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 9, 2017-2020.
- Jamil, M., & Shah, J. H. (2011). Technology: Its Potential Effects on Teaching in Higher Education. *New Horizons in Education*, 59(1), 38-51.
- Kuzma, L. M., & Haney, P. J. (2001). And... Action! Using film to learn about foreign policy. *International Studies Perspectives*, 2(1), 33-50.
- Lafferty, G. (2016). Opening the Learning Process: The Potential Role of Feature Film in Teaching Employment Relations. *Australian Journal of Adult Learning*, 56(1), 8-28.
- Larson, K. C. (2017). Film as transformative learning: A case study on civics education through cultural study. *Journal of Community Engagement and Higher Education*, 9(1).
- Mahmud, R. (1998). *Nllai-Nllai Murni dalam Filem " Bukit Kepong" dan Penggunaan Filem Dalam Pengajaran*. (Ijazah Master Sains), Universiti Putra Malaysia.
- Marcus, A. S., Metzger, S. A., Paxton, R. J., & Stoddard, J. D. (2018). *Teaching History with Film: Strategies for Secondary Social Studies*. New York: Routledge.
- Mat Saad, D. U., Hashimee, M., & Zulkifli, M. S. (2018, 23-24 April 2018 ). *Penggunaan Perisian Padlet.Com dalam Meningkatkan Minat Pelajar Terhadap Bahasa Arab*. Paper presented at the Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia.
- Moskovich, Y., & Sharf, S. (2012). Using Films as a Tool for Active Learning in Teaching Sociology. *Journal of Effective Teaching*, 12(1), 53-63.
- Mullen, A. (2015). Reflections on teaching with films in British secondary education. *Journal of Research Initiatives*, 1(3), 1-7.
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 1-11.
- Rates, P., Silva, M., Pereira, M., & Pessalacia, R. (2014). The use of films as a teaching tool for the teaching-learning process in bioethics. *Invest Educ Enferm*, 32(3), 421-429. doi:10.1590/S0120-53072014000300007
- Siemens, G., Gašević, D., & Dawson, S. (2015). Preparing for the digital university: A review of the history and current state of distance, blended, and online learning. Athabasca University: Bill & Melinda Gates Foundation.
- Stoddard, J. D. (2012). Film as a ‘thoughtful’ medium for teaching history. *Learning, Media and Technology*, 37(3), 271-288.
- Sulakah, S. M. (2017). *Aplikasi Padlet dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastra (Komsas)*. (Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Truong, L. B., & Tran, L. T. (2014). Students' intercultural development through language learning in Vietnamese tertiary education: a case study on the use of film as an innovative approach. *Language and Intercultural Communication*, 14(2), 207-225.
- Wan Jamel, S. F. (2013). *Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. (Ijazah Doktor Falsafah Bahasa dan Linguistik), Universiti Malaya.